



Oleh : Mohd Hakam Hassan



Perpindahan Jabatan HEPA ke pejabat baru

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniMAP telah membuka satu lembaran baru bersempena dengan ketibaan tahun 2009 ini dengan perpindahan ke bangunan pejabat yang baru di Taman Bukit Kubu Jaya, Jalan Sarawak, Kuala Perlis. Lokasi baru pejabat Jabatan ini adalah strategik memandangkan ianya berdekatan dengan kawasan penginapan pelajar iaitu Kolej Kediaman Kampung Wai, Kolej Kediaman Seberang Ramai dan Kolej Kediaman Taman Semarak dan berhampiran dengan Pekan Kuala Perlis. Selain daripada itu, lokasi baru pejabat HEPA ini juga turut berhampiran dengan Bangunan Pengajian Diploma dan Institut Matematik Kejuruteraan (IMK).

Seperti bangunan-bangunan pentadbiran UniMAP yang lain, bangunan pejabat baru Jabatan HEPA ini merupakan empat lot rumah kedai (lot 19, 21, 23 dan 25) yang telah disewa dan diubahsuai oleh Jabatan Pembangunan UniMAP bagi dijadikan sebagai pejabat pentadbiran jabatan HEPA. Dengan perpindahan ini menyaksikan Unit Rakan Pendamping Siswa (RPS) Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Unit Sukan dan Rekreasi dan Unit Kauseling telah diletakkan bersama di bawah Jabatan HEPA bersama dengan unit-unit yang sedia ada iaitu Unit Pentadbiran, Unit Aktiviti Pelajar, Unit Kebudayaan dan Kesenian, Unit Pinjaman dan Kebajikan, Unit Keusahawanan, Unit Alumni dan Debat dan Unit Latihan dan Pembangunan Pelajar. Perpindahan Jabatan HEPA ke pejabat baru ini adalah sejajar dengan keperluan dalam pengembangan dan pertambahan perjawatan di jabatan dan penubuhan Pusat Sukan (yang kini diasaskan di pejabat lama jabatan HEPA di Kampus Kubang Gajah, Arau).

Rentetan daripada perpindahan ini juga menyaksikan Jabatan HEPA kini telah memiliki Ruang Studio bagi kegunaan latihan persembahan dan muzik pelajar. Ruang ini akan dilengkapi dengan Peralatan-peralatan Muzik dan ruang cermin bagi tujuan latihan dan mampu memuatkan kira-kira 20 orang pelajar pada satu-satu masa.

